

08 OCT 2002

Mahathir-kapal

KEBAKARAN KAPAL MINYAK SEWAAN PETRONAS BUKAN SABOTAJ, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, Okt 8 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebakaran kapal minyak yang disewa oleh Petroleum Nasional Bhd (Petronas) di perairan Yemen, Ahad lepas disebabkan pintasan elektrik dan bukan kerana sabotaj mana-mana pihak.

"Laporan daripada Petronas tidak 'suspect' (mengesyaki) apa-apa sabotaj," katanya pada persidangan media selepas merasmikan Persidangan Ekonomi Malaysia-China 2002 di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada kejadian itu berpunca daripada perbuatan sabotaj atau kegiatan penganas.

Dr Mahathir berkata sebagai kapal yang membawa minyak, ia mudah meletup apabila ada kebakaran kecil kerana pintasan elektrik.

Petronas bagaimanapun tidak mengalami kerugian yang besar akibat kebakaran itu kerana barangan tersebut telah diinsurankan, katanya.

Kapal minyak super MT Limburg milik Perancis itu telah disewa oleh anak syarikat Petronas, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) untuk membawa minyak mentah syarikat petroleum negara berjumlah 400,000 tong dari Ras Tanura, Arab Saudi ke pusat penapisannya di Melaka.

Semasa kejadian, kapal itu dalam perjalanan ke Ash Shihr di Yemen untuk mengambil 1.5 juta lagi tong minyak mentah sebelum balik ke Malaysia.

Letupan kapal minyak itu telah dispekulasikan kerana kejadian itu berlaku hampir dengan lokasi serangan berani mati menggunakan bot yang dimuatkan dengan letupan ke atas kapal pemusnah Amerika Syarikat (AS), USS Cole, pada Oktober 2000.

Bulan lepas, tentera laut AS mengeluarkan amaran yang kapal minyak mungkin diserang di kawasan perairan Teluk dalam rangkaian penganas al-Qaeda, yang dituduh oleh AS melancarkan serangan berani mati ke atas New York pada 11 Sept tahun lepas.

-- BERNAMA

HK AZZ ROS